

SOAL JAWAB AGAMA

Soalan dan jawapan untuk Soal Jawab Agama ini dipetik daripada 'RUANGAN SOAL JAWAB AGAMA' di dalam Portal UniMAP. Soalan dan jawapan telah dimodifikasi tanpa mengubah maksudnya supaya lebih difahami dan sesuai untuk bacaan umum.

SOALAN 1

Apakah hukumnya, wanita yang masih dalam haid, memotong kuku atau rambutnya?

JAWAPAN 1

Disebutkan di dalam syarah al-'Iqna' Matan Abi Syuja' (1/60), menurut Imam al-Ghazzali di dalam Ihya Ulumiddin, bahawa tidak seharusnya seseorang yang berjunub memotong kuku atau mencukur bulu dan rambutnya kerana semua tadi akan dikembalikan di hari akhirat nanti dalam keadaan junub (tidak bersih). Bagaimanapun, setelah diteliti asas kepada pendapat ini, maka tiada didapati sebarang dalil yang menyokongnya kecuali logik akal semata-mata tadi. Demikian menurut Syeikh Sayyid Sabiq, Syeikh Atiyyah Saqar dan Dr. Rif'at Fawzi, Professor Shari'ah di Universiti Kaherah. Tiada sebarang halangan untuk memotong kuku semasa junub. Pandangan ini juga datang dari tokoh ulama Tabien iaitu Ato' bin Abi Rabah. 'Ato disebut pernah menyatakan seseorang boleh melakukannya dalam keadaan junub, malah dalam keadaan junub dan tidak berwudu' (Riwayat al-Bukhari) Sebagai maklumat tambahan, kemestian menanam rambut, kuku yang dipotong dan sebagainya juga tiada sebarang dalil (kecuali jika dibimbangi akan diambil dan disihirkan), demikian juga larangan memotong kuku di waktu malam. Wallahu a'lam.

SOALAN 2

Wanita perlu dihiasi dengan sifat malu dan ada juga istilah malu tidak bertempat. Bolehkah diterangkan, bilakah kita perlu berasa malu, dan bilakah wanita itu perlu "tidak malu"

JAWAPAN 2

Malu bertempat adalah seperti jangan buat kecoh jika ada lelaki yang ramai berhimpun dalam satu-satu tempat. Tidak malu pula, sentiasa berlumba-lumba untuk menuntut ilmu atau melakukan ibadah. Wallahu a'lam

SOALAN 3

Saya ingin bertanya tentang waktu sebenar dan waktu paling afdal untuk melakukan Solat Dhuha.

JAWAPAN 3

Solat Dhuha ialah pada saat matahari telah naik lebih kurang setinggi sebatang lembing atau galah (kira-kira jam 20 minit selepas terbit matahari atau lebih) hinggalah matahari berada tepat di tengah-tengah langit (sebelum menjelang Zuhur). Jangkaan untuk mengatakan waktu yang paling tepat agak rumit, tetapi buatlah ketika mana bermulanya masuk waktu tersebut, atau kita yakin ianya sudah masuk waktu Dhuha. Wallahu a'lam

SOALAN 4

Kebanyakan pelajar baru UniMAP berasal dari seluruh negeri di Malaysia. Kelihatan cara ibadah di sini berbeza daripada tempat kami yang mengamalkan Mazhab Syafie. Setahu saya, menurut Mazhab Syafie, rukun al-Fatihah dalam sembahyang wajib dimulai dengan Bismillah. Saya mengetahui perkara ini kerana saya pernah belajar tentang mazhab lain dalam hal ini. Tapi bagaimana dengan kawan-kawan saya yang lain yang mengatakan was-was untuk solat berjemaah di masjid di negeri Perlis ini. Mohon diperjelaskan hal ini untuk mengelakkan kekeliruan dalam ibadah kita. Wallahu a'lam

JAWAPAN 4

Dalam permasalahan di antara mazhab-mazhab, ada mazhab yang menzahirkan bacaan Bismillah pada Fatihah seperti Mazhab As Syafieyah. Terdapat juga mazhab yang tidak menzahirkan bacaan Bismillah seperti Mazhab Hanafiah. Tetapi jangan salah anggap kerana imam tersebut akan membaca bismillah cumanya tidak kuat yang boleh didengari oleh semua makmum dan solat tersebut tetap sah. Wallahu a'lam

SOALAN 5

Saya seorang yang mudah gementar, terburu-buru, suka berangan dan berfikir yang bukan-bukan. Soalan saya, apakah amalan yang boleh saya lakukan bagi membuang tabiat-tabiat tersebut kerana ia membuatkan saya menjadi tidak tenang dan selalu murung.

JAWAPAN 5

Berzikirlah banyak-banyak kerana dengan zikir itu dapat menenangkan hati dan perasaan. Wallahu a'lam.

"Tidak akan redha orang yahudi dan nasrani, selagi mana kaum muslim tidak mengikut kehendak dan telunjuk mereka."

SOALAN 6

Saya mendengar melalui satu sumber bahawa memakai baju yang mempunyai lambang syaitan adalah dilarang. Tetapi bagaimana pula jika saya memakai baju jersi Manchester United, yang mempunyai simbol (simbol iaitu bukan gambar seperti yang ada pada baju-baju black metal) iaitu simbol syaitan merah (red devils)

JAWAPAN 6

Islam sangat menitik beratkan soal pemakaian dan juga mempunyai batas-batas syariat serta adab yang tertentu. Contohnya, jika meminati sesuatu pasukan yang mempromosikan arak dan sebagainya, walhal di dalam Islam arak adalah haram. Jadi golongan-golongan yang terlibat dari membuat serta mempromosikan arak tersebut akan dilaknat Allah. Begitu juga dengan memakai pakaian yang logo syaitan atau lambang salib. Sebaiknya, elakkanlah kerana ia secara tidak langsung akan mempromosikan kehendak mereka. Sepertimana petikan ayat al-Quran, "Tidak akan redha orang yahudi dan nasrani, selagi mana kaum muslim tidak mengikut kehendak dan telunjuk mereka." Wallahu a'lam.

SOALAN 7

Apakah hukum meluruskan atau mengkerintingkan rambut?

JAWAPAN 7

Berdasarkan kepada kaedah fiqh asal kepada sesuatu perkara, adalah harus kecuali terdapat nas yang mengharamkannya seperti wasyumu (tatu) mencukur bulu kening, memakai rambut palsu dan sebagainya. Beberapa perkara perlu diberi perhatian dalam menentukan sesuatu perkara itu halal dan sebaliknya, pertamanya niat atau tujuan, niat yang tidak baik akan menjadikan sesuatu yang pada asalnya harus itu haram tetapi niat yang baik tidak menjadikan perkara yang haram itu halal, umpama memakai rambut palsu dengan niat menyenangkan hati suami tidak akan mengubah hukum pemakaian rambut palsu itu. Kedua dari segi pelaksanaannya mestilah tidak melanggar batas syarak seperti menggunakan khidmat pendandan yang berlainan jenis jantina. Ketiga dari segi haram mesti bukan daripada benda yang najis atau mendatangkan mudharat

Keempat khususnya wanita kerap ditekankan wanita wajib berhias untuk suami dan ia tidak termasuk dalam katogeri mengubah ciptaan. Wallahu a'lam.

SOALAN 8

Ayah saya telah meninggal dunia setahun yg lalu. Dalam 3 hingga 4 tahun lepas ayah ada tinggal puasa kerana dia tidak sihat dan ayah tidak menggantikan puasa itu semasa dia sihat. Saya tidak pasti berapa hari ayah tinggal puasa. Adakah saya perlu menggantikan puasa ayah saya?



JAWAPAN 8

Menurut Qaul Jadid (kitab baru ketika berada di Mesir) Asy-Syafi'ie, tidak dibolehkan menggantikan (qadha) puasa orang mati secara mutlaq (baik ia mempunyai kesempatan masa hidup atau tidak) tetapi memadai dikeluarkan (fidyah) dari harta peninggalannya satu cupak sehari mengikut jumlah hari puasa yang ditinggalkan. Imam An-Nawawi menyatakan dibolehkan warisnya menggantikan puasa si mati. Tetapi jika dia meninggalkan harta wajib salah satunya (qadha atau fidyah), bolehlah anggarkan berapa hari yang ditinggalkan dan boleh ganti lebih dari yang di anggarkan tadi. Wallahu a'lam.

SOALAN 9

Pada waktu petang, saya selalu menghadiri kelas senamrobik. Di dalam kelas senamrobik itu, guru yang mengajar kami mendendangkan lagu-lagu yang berunsurkan agama Kristian. Apakah hukum apabila kami mendengar lagu tersebut?

JAWAPAN 9

Jika hanya sekadar aerobik biasa pergerakannya yang mana tidak kita fahami erti lirik tersebut tidak mengapa. Tetapi jika ada unsur-unsur ketuhanan atau keagamaan yang lain dan diwajibkan pula untuk mengikuti, hukumnya haram dan bimbang pula akan kita mudah terpengaruh dengan bait-bait lirik di dalam lagu tersebut. Mungkin puan akan tersebut "heluyah" atau sebagainya. Sebaiknya carilah kelas aerobik lain. Wallahu a'lam.

SOALAN 10

Saya ingin bertanya kebenaran di sebalik persoalan berkaitan kedudukan waktu solat isyak. Adakah sepanjang malam hingga sebelum subuh esok hari iaitu masuk waktu hinggalah selepas jam 12 malam? Tolong huraikan kemusykilan ini.

JAWAPAN 10

Banyak orang menyangka bahawa mereka boleh menangguhkan solat Isyak selagi tidak masuk waktu Subuh atau terbit fajar, sedangkan Allah S.W.T. memerintahkan kita melakukan solat tepat pada waktunya. Waktu Isyak bermula daripada fajar merah sehingga pertengahan malam yang pertama. Mengikut pendapat ulama, pertengahan malam yang pertama itu lebih kurang pukul 1.00 pagi hingga ke pukul 2.00 pagi. Rasulullah s.a.w melarang mengerjakan solat Isyak pada pukul 3.00 atau 4.00 pagi. Jika sesiapa mengerjakan solat pada waktu tersebut, ia diibaratkan seperti solat Subuh pada pukul 9.00 pagi. Ini bermakna, waktu tersebut bukan waktu akhir untuk solat Isyak. Jika seseorang itu melakukan solat di luar waktu yang telah ditentukan, dia telah menyalahi perintah Allah. Sebagaimana firman-Nya "Sesungguhnya solat itu adalah wajib ke atas orang-orang yang beriman dengan ketetapan yang telah ditetapkan waktunya." (An-Nisa': 103). Wallahu a'lam.